

**PANDANGAN ISLAM TERHADAP PERKAHWINAN DI
USIA MUDA: SATU TINJUAN UNDANG-UNDANG
KELUARGA DI MALAYSIA**

Nur Sarah Tajul Urus¹

¹ Pensyarah di Kulliyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman. Email: nursarah.tajulurus@gmail.com/ nursarah@unishams.edu.my

Abstrak:

Perkahwinan di usia muda bukanlah satu topik perbahasan baru dalam masyarakat Islam. Pemahaman dan kecenderungan yang berbeza dalam mentafsirkan undang-undang tentang masalah seperti itu di kalangan orang Islam kadang-kadang membawa kepada stigma kurang sihat dalam masyarakat. Perbincangan tentang perkahwinan kanak-kanak berkait rapat dengan masalah akil baligh mengikut undang-undang Islam serta kesediaan kanak-kanak untuk melakukan hubungan seksual dan pendekatan yang diambil oleh negara-negara Islam, termasuk Malaysia, untuk menangani isu-isu tersebut. Artikel ini membincangkan aspek-aspek yang disebutkan di atas mengikut undang-undang Islam dengan mengambil kira perbandingan antara undang-undang keluarga Islam di negara-negara lain.

Kata kunci: usia muda, undang-undang keluarga, perkahwinan kanak-kanak, undang-undang umur minimum perkahwinan

PENDAHULUAN

Perkahwinan kanak-kanak bukan suatu perkara baru dalam kalangan masyarakat silam. Amalan ini dilakukan secara meluas, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, bahkan juga dalam budaya silam masyarakat dunia yang lain, seperti di China, Jepun, India, Babylon, Rom, Athens, Yahudi dan Kristian di Eropah¹.

Mahkamah Syariah di Malaysia berperanan dalam mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam bersumberkan fiqh dan statut undang-undang bertulis yg diluluskan oleh Parlimen atau badan lain yg berkuasa membuat undang-undang sebagai mana bidang kuasa yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Mahkamah Syariah (Akta 355) 1965 (Pindaan 1984) dan Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Ia juga memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang berbalah (sama ada dalam kes sivil/mal atau jenayah) demi menegakkan keadilan.

Statistik Kes Perkahwinan Bawah Umur Bagi Orang Islam	
Tahun	Kes
2010	981
2011	1,045
2012	1,095
2013	1,090
2014	1,032
2015	1,025

Jadual 1 – Sumber Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Statistik Kes Perkahwinan Bawah Umur Bagi Orang Bukan Islam	
Tahun	Kes
2010	553
2011	502
2012	468
2013	514
2014	410
2015	328

Jadual 2 – Sumber Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

¹ Syahirah Abdul Shukor. 2016. Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Melindungi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Malaysia Journal of Shariah and Law. ISSN: 1985-7454 Volume 4.

“Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), bagi pasangan Islam, sebanyak 5,362 permohonan perkahwinan bawah umur 18 tahun dicatat antara 2013 hingga 2017.

“Bagi pasangan bukan Muslim, 2,367 permohonan perkahwinan bawah umur 18 tahun dicatat bagi tempoh sama,”. “Berdasarkan statistik terkini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dalam masa 10 tahun di antara 2007 hingga 2017 perkahwinan bawah umur masyarakat Islam mencecah 10,000 kes dan bukan Islam sebanyak 4,999 kes.

DEFINISI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, “kanak-kanak” bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun). Manakala istilah “remaja” pula merujuk kepada seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh, dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Manakala dalam Seksyen 2 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 menyebutkan bahawa kanak-kanak adalah: Ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Manakala dari sudut istilah, ia membawa maksud: Suatu ciri yang dikaitkan dengan seorang manusia semenjak kelahirannya sehinggalah dia bermimpi (baligh). Berdasarkan definisi dan takrif yang dinyatakan, jelas terdapat perbezaan dalam memahami apakah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak. Manakala daripada sudut tradisi Islam, takrifnya lebih konsisten dengan menghubungkan keadaan aqil baligh dengan definisi kanak-kanak. Daripada perbezaan ini, kita mendapati oleh sebab itu berlaku salah faham tentang suatu standard moral bagi umur yang sesuai untuk berkahwin.

TAKRIF KANAK-KANAK DALAM STATUT-STATUT DI MALAYSIA

Statut Persekutuan	Takrif
Akta Kanak-Kanak 2001	Bawah 18 tahun
Akta Penjagaan Budak 1961	Islam bawah 18 Bukan Islam bawah 21
Akta Pengangkatan 1952	Bawah 21 tahun termasuk wanita yang telah berkahwin dan diceraikan di bawah umur tersebut
Law Reform (Marriage & Divorce) Act 1976	“a child of the marriage who is under the age of 18 years old”
Evidence Act 1950, Seksyen 133A	“a child of tender years who is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of evidence and understands the duty of speaking the truth”

Inheritance (Family Provision) Act 1976	Bawah 21 tahun
Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	Bawah 18 tahun

Jadual 3 – Takrif Kanak-Kanak dalam Statut di Malaysia

STATUT NEGERI

Statut Negeri	Takrif
Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1977	Mentakrif baligh sebagai sudah cukup umur mengikut hukum syarak. Tiada sebarang huraian atau definisi lanjut berhubung umur baligh dinyatakan di bawah Akta tersebut
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991	Seseorang yang berumur kurang dari 15 tahun qamariah hendaklah dianggap belum baligh
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	“mukallaf” ditakrifkan sebagai seorang yang beragama Islam yang telah sampai umur mengikut hukum syarak dan tidak rosak akal fikirannya serta tidak pekak dan buta
Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)	Pesalah muda sebagai seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun

Jadual 4 – Statut Negeri

HUKUM PERKAHWINAN KANAK-KANAK MENGIKUT SYARIAT

Melihat kepada nas-nas dan juga lembaran kitab-kitab fiqh yang membincangkan isu ini, kita dapati bahawa pendapat yang paling kuat dan muktamad bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah sah dengan syarat-syarat tertentu sehingga sebahagian daripada mereka menukilkan ijma' ulama' bahkan sejak daripada zaman Rasulullah SAW dan sahabat lagi, ada berlaku perkahwinan seperti ini¹.

¹ Zanariah Noor. 2013. Perkahwinan Kanak-Kanak Dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 2 (2013) 165-190.

Allah mensyariatkan perkahwinan bagi mencapai kasih sayang dan rahmat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum, ayat 21 menjelaskan berkaitan tujuan perkahwinan iaitu:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

Pasangan diciptakan bertujuan mendapat ketenangan serta beroleh kasih sayang dan rahmat. Pasangan suami dan isteri haruslah memainkan peranan dan bertanggungjawab masing-masing dalam usaha mencapai matlamat perkahwinan dengan mewujudkan sifat mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga direalisasikan menerusi sikap saling menjaga, saling melindungi, saling membantu, saling memahami hak dan kewajiban masing-masing. Jika merujuk kepada imam mazhab yang empat iaitu Imam Syafie, Imam Hambali, Imam Malik dan Imam Hanafi, jelas mereka berpandangan di dalam Islam tidak ada larangan had umur untuk berkahwin.

Dalam menentukan kesahan perkahwinan, mazhab Syafie mengutamakan rukun perkahwinan dipatuhi, iaitu Pengantin lelaki (zawjun), Pengantin perempuan (zawjatun), Wali yang adil, Dua orang saksi lelaki yang adil, Lafaz tawaran dan penerimaan (ijab dan qabul). Manakala pemberian mahar dan kesetaraan (kafa'ah) merupakan syarat tambahan. Mazhab Hanafi walau bagaimanapun, tidak menetapkan wali sebagai rukun Mazhab Hanafi membolehkan seorang perempuan yang telah baligh berkahwin tanpa mendapat izin walinya. Mengikut Mazhab Hanafi lagi, rukun perkahwinan yang sah ialah ijab dan qabul. Biasanya juga, jumlah mas kahwin disebut walaupun ini tidak perlu kerana perempuan yang berkahwin berhak mendapat mas kahwin yang sepatutnya, iaitu mas kahwin yang biasanya dijanji atau diberi kepada perempuan-perempuan yang setaraf dengannya.

Umur dewasa mengikut undang-undang Islam ialah apabila seseorang mencapai umur akil baligh. (Surah Al-Nisa':6)

Dari segi hukum Islam, seorang gadis dianggap sudah dewasa apabila dia mulai datang haid, iaitu seawal umur sembilan tahun. Jika dia tidak datang haid atau tanpa lain-lain tanda dewasa, mengikut Imam Abu Hanifah, umur dewasa gadis itu ialah 16 tahun. Seorang budak lelaki dianggap dewasa apabila bermimpi dan keluar air mani, seawal-awalnya 12 tahun. Jika tidak, mengikut Imam Abu Hanifah seorang budak lelaki dianggap dewasa apabila ia mencapai umur 18 tahun. Murid-murid Imam Abu Hanifah berlainan pendapat darinya. Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad al-Shaybani berpendapat jika seseorang budak lelaki bermimpi dan keluar air mani atau seseorang gadis mulai datang haid atau mereka cukup 12 tahun.

KEBENARAN MELANGSUNGKAN PERKAHWINAN DALAM PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Perlembagaan Persekutuan; Perkara 4, Jadual Ke 9, Senarai I: Persekutuan, Senarai II: Negeri

Undang-Undang Syariah (Negeri); Berapakah had umur minima untuk memasuki perkahwinan?

Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Akta 303, Seksyen 8 had umur minima untuk memasuki perkahwinan ialah 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan.

Seksyen 8; “Tiada sesuatu perkahwinan boleh di akad nikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hukum Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.”

Menurut seksyen tersebut perkahwinan kanak-kanak di bawah umur hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Mahkamah Syariah. Peruntukan tersebut bertujuan memberi peluang kepada Mahkamah untuk menyelidiki gadis itu dari segi latar belakang, keadaan fizikal, kemampuan untuk berumahtangga dan menjaga kepentingan kanak-kanak itu. Setelah Hakim Syariah di tempat kanak-kanak di bawah umur itu hendak berkahwin memberi kebenaran bertulis untuk berkahwin maka kanak-kanak itu boleh dinikahkan oleh bapa atau datuknya.

Jika bapa atau datuk menikahkan kanak-kanak yang di bawah umur minimum untuk berkahwin menurut undang-undang tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Hakim Mahkamah Syariah, maka itu tindakan yang menyalahi peruntukan Seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor Jika sabit kesalahan, individu terbabit adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Undang-undang Syariah di negeri negeri lain juga mempunyai peruntukan yang sama mengenai umur minimum bagi perkahwinan.

Undang-Undang (Persekutuan);

Perlembagaan Persekutuan, Jadual Ke-9, Senarai I

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, (Pindaan) 2012: perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO)

Akta Kanak-Kanak 2001, (Pindaan) 2016

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Definisi Pedofilia

Kanun Keseksaan Seksyen 375A, Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004: Definisi Rogol

Seksyen 10 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) melarang sebarang bentuk perkahwinan dan pertunangan kanak-kanak. Memandangkan negara kita telah bersetuju untuk mengikuti prinsip CEDAW, kerajaan Malaysia perlu memastikan kesemua undang-undang tempatan sejajar dengan konvensyen antarabangsa ini.

Dengan kata lain, Pelindung Kanak-kanak perlu menggunakan sepenuhnya kuasa mereka di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 untuk bertindak bagi kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut.

PEDOFILIA

Pedofilia ialah sejenis gangguan psikologi di mana individu dewasa atau remaja yang lebih tua tertarik secara seksual atau eksklusif kepada kanak-kanak yang belum baligh (prepubescent).

Orang yang mempunyai pedofilia melakukan seks dengan kanak-kanak atau menggunakan kanak-kanak untuk seks.

Ia juga boleh dipanggil penderaan seks kanak-kanak. Sesetengah orang mempunyai perasaan pedofilia tetapi tidak melakukan seks atau mendera kanak-kanak secara seksual.

Walaupun kanak-kanak perempuan biasanya memulakan proses akil baligh pada usia 10 atau 11, dan kanak-kanak lelaki pada usia 11 atau 12, kriteria untuk pedofilia melanjutkan titik akhir untuk prepubescence ialah berumur 13.

Seseorang yang menghidap pedofilia mestilah berumur sekurang-kurangnya 16 tahun, tetapi remaja mestilah sekurang-kurangnya lima tahun lebih tua daripada anak prepubescent untuk tarikan untuk didiagnosis sebagai pedofilia¹.

Kes Pedofilia- 2007 – Adik Nurin Jazlin, kanak-kanak perempuan berusia dalam lingkungan 7- 9 tahun ditemui dalam beg pakaian.

DEFINISI ROGOL STATUTORI

Rogol (atau pencabulan / pemerkosaan) adalah serangan seksual yang dianggap oleh kebanyakan orang sebagai jenayah yang sangat serius. Definisi teknikal untuk "rogol" merangkumi sebarang serangan serius dan yang merosakkan terhadap seseorang atau sekumpulan orang, tetapi dalam penggunaan sehari-harian, istilah tersebut adalah mengenai serangan seksual.

"Rogol" boleh juga merujuk kepada hubungan seksual dengan seorang yang rela tetapi dari segi undang-undang belum cukup umur; ini dikenali sebagai "rogol statutori". "Rogol statutori" ialah sejenis jenayah persetubuhan yang melibatkan seorang yang dibawah usia kerelaan."²

¹ Jivin Jayne Ginajil, Muhd. Hazim Dahuli & Suziyana Mohd Salleh. 2019. Pedofilia Di Malaysia. <https://www.researchgate.net>.

² Seksyen 375 (g) Kanun Keseksaan.

Sebagai satu bentuk serangan seksual, rogol boleh menjadi amat dahsyat, dan banyak kes serangan seksual berakhir dengan kematian mangsa. Rogol juga boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang serius seperti pendarahan gynekologi, termasuk juga kehamilan, dan jangkitan penyakit sebaran seksual. Kesan paling biasa pada mangsa rogol adalah kesan psikologi.

Oleh sebab negara mempunyai tanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak di bawah usia yang ditentukan, diisytiharkan golongan ini tidak berupaya memberi keizinan yang berpengetahuan.

Walaupun kanak-kanak bersetuju dan rela dengan kegiatan seksual yang dilakukan terhadap mereka, perbuatan itu masih lagi dianggap sebagai rogol.

Kes Perkahwinan Bawah Umur

Singapura– Maria Hurberdina Bertha Hertogh @ Natrah (13 tahun) dengan pasangannya Mansor Adabi (22 tahun)

Pakistan - Pengantin kanak-kanak berusia 8 tahun maut pada malam pengantin. Meninggal dunia akibat dari pendarahan dalaman yang teruk dan rahimnya juga turut pecah selepas melakukan persetubuhan pertama dengan suaminya pada malam pengantinnya.

Kes Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia

2010 - kanak - kanak berusia 10 tahun berkahwin dengan lelaki 40 tahun di Pasir Mas, Kelantan. Nik Aziz Nik Mat memberi respon tidak sepatutnya berlaku perkahwinan bawah umur seperti ini.

Mac 2010 -Kanak – kanak berusia 11 tahun dikahwinkan bapanya dengan lelaki berusia 41 tahun di Kampung Jelawang, Kuala Krai, Kelantan. Namun begitu, perkahwinan tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak dan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002.

2012 - Perkahwinan Nor Fazira Saad (berusia 12 tahun) dengan pasangannya Mohd.Fahmi Mohamed Alias (berusia 20 tahun). Perkahwinan ini berlangsung pada 17 November 2012 selepas mendapat perintah mahkamah mengikut Seksyen 18 (1) (a) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah 2008. Bagaimanapun, perkahwinan ini tidak dapat bertahan lama dan Fazira dicerai oleh suaminya dengan talak tiga.

Februari 2013 - kes rogol dan kahwin yang berlaku di Kota Kinabalu, Sabah. Kes ini melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun dengan seorang lelaki berusia 40 tahun yang telah pun berkahwin dan mempunyai seorang isteri serta 4 orang anak. lelaki tersebut telah menyogok bapa mangsa dengan wang tunai sebanyak RM 5,000 sebagai ganti rugi dan bagi mendapatkan kebenaran untuk berkahwin dengan mangsa sekaligus menutup kes tersebut.

Permohonan ditolak -berdasarkan ketidakupayaannya memberi kerelaan ataupun tahap mental kanak-kanak menjadikannya tidak sesuai untuk berkahwin.

30 November 2014 - seorang pelajar tingkatan lima, Nur Izzati Amiera Ishak (berusia 17 tahun) berkahwin dengan teman lelakinya, Muhd. Muaz Mislan (berusia 15 tahun). Perkahwinan ini juga direstui keluarga mereka. Mereka berkahwin selepas bercinta kira-kira dua bulan.

Perkahwinan mereka menarik perhatian ramai setelah pasangan itu memuat naik gambar dan video akad nikah mereka di Facebook. Menurut Muaz, dia mengahwini Nur Izzati kerana mahu menjadikan perhubungan mereka sah selepas mendapat restu daripada kedua-dua keluarga.

14 Disember 2014 - pemuda berusia 21 tahun, Zulhelmi Kaharudin, berkahwin dengan seorang gadis berusia 15 tahun, Nurulain Mohammad. Persandingan mereka berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh. Perkahwinan pasangan ini direstui kedua-dua ibu bapa mereka.

9 Julai 2018 - Peraih didenda RM1,800 kerana kahwin budak 11 tahun. Lelaki berusia 41 tahun itu dituduh mengikut Seksyen 19 dan Seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (No 6) 2002 Negeri Kelantan yang masing-masing boleh membawa hukuman denda RM1,000 atau penjara dua bulan.

Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang mengenakan hukuman RM900 bagi setiap satu pertuduhan selepas beliau mengaku bersalah atas dua tuduhan iaitu berkahwin dan berpoligami tanpa kebenaran.

Di peringkat antarabangsa, sekiranya suatu perkahwinan itu melibatkan pasangan di bawah usia 18 tahun, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNICEF) menganggapnya satu pelanggaran hak asasi manusia. Pada 2013, UN Human Rights Council meluluskan satu ketetapan bahawa perkahwinan bawah umur itu adalah satu pelanggaran hak asasi manusia.

Mengikut UNICEF lagi, yang telah menjalankan penyiastannya dalam lebih 118 negara, dianggarkan lebih 700 juta wanita yang ada di muka bumi ini telah berkahwin semasa mereka di bawah umur (masih kanak-kanak), manakala kira-kira 250 juta berkahwin sebelum mereka berusia 15 tahun.

Beberapa negara asing telah lama meluluskan undang-undang khas menghalang atau mengharamkan perkahwinan bawah umur. Contohnya, India yang menguatkuasakan Child Marriage Restraint Act sejak 1929.

Pada mulanya akta itu menghalang perkahwinan melibatkan pasangan berusia 14 tahun (bagi perempuan) dan 18 tahun (bagi lelaki), tetapi kemudian tahap usia ini dinaikkan menjadi 18 tahun (bagi perempuan) dan 21 tahun (bagi lelaki). Akta lama ini kemudian dimansuhkan dan digantikan dengan Prohibition of Child Marriage Act 2006, mula berkuatkuasa pada 1 November 2007.

Di Pakistan, satu undang-undang bernama The Sindh Child Marriage Restraint Act 2013 telah diluluskan. Akibatnya, perkahwinan yang melibatkan pasangan berusia kurang dari 18 tahun adalah satu kesalahan dan boleh dihukum dengan penjara tidak lebih dari 3 tahun atau denda Rs 45,000. Akta ini diluluskan sebulat suara oleh Dewan Undangan Sindh pada 18 April 2014.

PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK BAWAH UMUR YANG INGIN BERKAHWIN

Perkahwinan kanak-kanak di bawah umur ini dibenarkan atas dasar tidak mahu kanak-kanak tersebut melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran dan dilangsungkan di luar Malaysia.

Di negeri Selangor, pindaan terhadap Seksyen 8 EUKKIS 2003 dibuat berkaitan had umur minimum kanak-kanak untuk berkahwin. Pindaan Seksyen 8 EUKKIS 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 5 September 2018 dan akan dikuatkuasakan pada tahun 2019. Seksyen 8 EUKKIS 2003 (sebelum pindaan); Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Seksyen 8 EUKKIS 2003 (selepas pindaan); Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Pindaan bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada perkahwinan yang terlalu muda dan bagi memastikan kanak-kanak tersebut benar-benar bersedia untuk berkahwin dan mengelakkan berlakunya penganiayaan terhadap kanak-kanak selepas berkahwin.

Pindaan tersebut juga bagi menambahbaik tatacara yang perlu dalam permohonan nikah bawah umur.

Pindaan dengan memasukkan tambahan kepada Seksyen 8 bagi prosedur yang perlu diikuti dalam permohonan nikah bawah umur sebagaimana Seksyen 8A.

Seksyen 8A EUKKIS (Pindaan) 2018:

Permohonan hendaklah dimulakan dengan notis permohonan oleh lelaki atau perempuan itu melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan affidavit ibu atau bapa atau penjaganya.

Affidavit bakal isteri atau suami kepada lelaki atau perempuan itu.

Kuasa mahkamah untuk mengarahkan laporan-laporan seperti berikut dikeluarkan:

- laporan perubatan daripada mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan;
- laporan sosial daripada mana-mana Pegawai Kebajikan;
- laporan rekod jenayah dari PDRM (sekiranya ada).

Pertimbangan utama Mahkamah Syariah sebelum memberi kebenaran berkahwin kepada pasangan kanak-kanak di bawah umur adalah berdasarkan kebajikan kanak-kanak tersebut dan alasan-alasan yang difikirkan patut dan perlu.

Kuasa Mahkamah Syariah mengarahkan pasangan kanak-kanak tersebut menghadiri sesi runding cara kekeluargaan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar sebelum pernikahan dijalankan.

Mengeluarkan perintah nafkah dan perintah-perintah lain yang difikirkan wajar;

Semua prosiding hendaklah didengar dan diputuskan dalam mahkamah tertutup.¹

PERKAHWINAN KANAK-KANAK DI SINGAPURA

Pentadbiran Undang-undang Hukum Islam, atau AMLA yang berkuatkuasa pada 1 Julai 1968. Ia telah digubal oleh Peguam Negara pertama Singapura, Almarhum Profesor Ahmad Ibrahim. Rang undang-undang omnibus pertama mengenai pentadbiran undang-undang Islam telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada tahun 1952. Singapura mengkaji peruntukan dari Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Selangor serta peruntukan dari Timur Tengah sebelum merangka satu daripada undang-undang Singapura yang tersendiri.

Perlembagaan Singapura membolehkan undang-undang peribadi Islam digunakan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan harta warisan. Tiga agensi awam diamanahkan dengan pentadbiran undang-undang Islam. Mereka adalah Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Pendaftaran Perkahwinan Muslim dan Mahkamah Syariah. Agensi-agensi ini, serta Lembaga Rayuan dan Jawatankuasa Fatwa, semuanya dikawal di bawah AMLA.

Selama bertahun-tahun, AMLA telah dipinda secara berkala untuk memastikan ia tetap responsif terhadap keperluan masyarakat Islam. Tahun lepas, kami meminda AMLA dan memberi tumpuan kepada tiga bidang luas - pertama, untuk mengukuhkan keluarga Muslim; kedua, untuk memperkuatkan institusi Islam; dan akhirnya, untuk meningkatkan pengurusan aset Islam dan pindaan yang berkaitan dengan pengukuhan keluarga Muslim.

Dalam Islam, institusi perkawinan harus didukung oleh mawaddah (cinta) dan rahmah (belas kasihan). Apabila suami dan isteri menyokong satu sama lain, dan menyediakan rumah yang penyayang dan sokongan untuk anak-anak mereka, mereka membina asas yang kukuh untuk keluarga. Di Singapura, perkahwinan orang Islam semakin meningkat manakala perkahwinan kecil - iaitu, perkahwinan di mana sekurang-kurangnya satu pihak berada di bawah 21 tahun pada masa perkahwinan - telah mengalami penurunan yang mantap. Sementara itu, kadar perceraian tetap stabil.

¹ Yang Amat Arif Mohammad Adib bin Husain, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Peranan Mahkamah Syariah Dalam Mengangkat Hak Kanak-Kanak Di Malaysia. The Fourth Muzakarah Fiqh And International Fiqh Conference At The Social Institute Of Malaysia (Ism), Sungai Besi, Kuala Lumpur Empowerment Of Family And Women: Some Preliminary Remarks. Anjuran KUIS, Oktober 2018.

Walaupun perkahwinan kanak-kanak sedang merosot, dibimbangi dalam hal perkahwinan Muslim yang melibatkan pengantin muda, perkahwinan perkahwinan baru-baru ini telah mengalami kadar perceraian yang lebih tinggi berbanding pengantin lelaki yang lebih tua.

Parlimen meluluskan dua langkah. Pertama, penyertaan wajib dalam program penyediaan perkahwinan untuk pasangan kanak-kanak Mereka akan menghadiri program pra-perkahwinan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pasangan mengenai masalah perkahwinan, dan untuk menyerlahkan program sokongan yang ada. Pasangan kanak-kanak mesti melengkapkan program bersama sebelum permohonan untuk perkahwinan dibuat.

Program ini terdiri daripada dua komponen. Satu, membantu mereka memahami dengan lebih baik, memperjelas dan menangani sebarang kebimbangan yang mereka dan keluarganya mungkin mempunyai tentang perkahwinan itu. Dua, bengkel pendidikan perkahwinan untuk pasangan kanak-kanak untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan penting untuk membina perkahwinan dan keluarga yang stabil. Kami juga menggalakkan ibu bapa mereka menyertai bengkel pendidikan ibu bapa untuk membincangkan peranan mereka kepada pasangan.

Kedua, persetujuan ibu bapa akan diperlukan untuk perkahwinan kanak-kanak, sebelum pasangan itu boleh membuat permohonan untuk solemnisation. Sebelum pindaan, hanya persetujuan wali, penjaga yang sah untuk perkahwinan seorang wanita Islam, diperlukan. Kami kini memerlukan persetujuan ibu bapa atau penjaga pihak yang masih kecil. Langkah ini menandakan pentingnya sokongan ibu bapa atau penjaga dalam perkahwinan kanak-kanak. Peranan mereka dalam memberikan sokongan dan bimbingan, terutama pada tahun-tahun awal perkahwinan, adalah penting untuk membantu pasangan sedemikian membina asas pernikahan yang kuat untuk seumur hidup.

Persetujuan ibu bapa ini adalah berasingan daripada peranan wali dalam kontrak perkahwinan, dan tidak menggantikan kelulusan wali. Apabila persetujuan ibu bapa atau penjaga diberikan, permohonan untuk memperlakukan perkahwinan itu boleh dibuat.

Mungkin terdapat kes di mana persetujuan orang yang sesuai tidak dapat diperoleh kerana dia tidak hadir, tidak dapat diakses atau di bawah mana-mana kecacatan yang teruk, atau enggan berbuat demikian. Apabila permohonan oleh pasangan kanak-kanak, Kadi atau Naib Kadi mesti mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memuaskan hati dirinya bahawa persetujuan orang yang sesuai boleh dibebaskan. Yang penting, jika orang yang sesuai enggan memberikan persetujuan, Kadi atau Naib Kadi harus terlebih dahulu memberi orang itu kesempatan untuk menunjukkan sebab mengapa persetujuannya tidak diserahkan. Kadi atau Naib Kadi

kemudian mempunyai tanggungjawab untuk memutuskan jika terdapat alasan yang baik untuk meneruskan perkahwinan.

Pindaan ini dibina atas pindaan kami pada tahun 2008 untuk menaikkan umur minimum perkahwinan Muslim dari 16 hingga 18 tahun. Dengan berbuat demikian, kami menyatakan bahawa beberapa negara Islam telah membuat perundangan umur perkahwinan minimum yang sekurang-kurangnya setanding dengan, jika tidak lebih ketat daripada usia minimum kami. Di Maghribi, sebagai contoh, umur minimum adalah 18 tahun untuk kedua-dua perempuan dan lelaki; manakala di Algeria, umurnya 18 tahun untuk perempuan dan 21 tahun untuk lelaki.

Keluarga yang kuat adalah penting untuk kesejahteraan kanak-kanak. Walaupun kadar perkahwinan kanak-kanak menurun dari 10% perkahwinan Muslim pada tahun 2007 kepada 3.6% pada tahun 2017, kumpulan ini masih memerlukan sokongan. Atas sebab ini, kami bekerjasama rapat dengan rakan kongsi komuniti kami membantu menyediakan pasangan muda dan muda untuk perkahwinan, dan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penyediaan perkahwinan dan sokongan orang tua. Pada akhirnya, ini adalah tentang membantu pasangan sedemikian bersedia untuk perkahwinan, dan mendidik mereka yang mungkin tidak mengetahui kepentingan dan ketersediaan sokongan tersebut.

Walaupun usaha terbaik dilakukan untuk menguatkan perkahwinan dan keluarga, tidak semua perkahwinan adalah jarak jauh. Kadar perceraian muslim di Singapura agak stabil, tetapi kita harus mengawasi sebarang kenaikan perceraian.

Pindaan-pindaan AMLA 2017 membenarkan Mahkamah Syariah memastikan pasangan yang membuat perceraian terlebih dahulu menghadiri Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) yang utama untuk melihat apakah perkahwinan itu dapat diselamatkan. Mahkamah Syariah bekerjasama dengan rakan-rakan komuniti untuk mentadbir program ini. MCP diperkenalkan sebagai keperluan pentadbiran pada tahun 2004. Setakat ini, lebih daripada 33,000 pasangan telah dilayan, dan hampir separuh daripada perkahwinan ini telah diselamatkan. Sekiranya pasangan itu memilih meneruskan perceraian, MCP akan menjadi platform bagi pasangan untuk membincangkan penjagaan dan pengaturan hidup untuk anak-anak mereka. Kaunselor akan berada di tangan untuk merujuk pihak kepada program dan perkhidmatan khusus untuk menangani keperluan sosial mereka yang lain, seperti bantuan kewangan atau sokongan pendidikan untuk kanak-kanak sekolah mereka.

Dalam erti kata lain, MCP melampaui perdamaian dan menyelamatkan perkahwinan. Ia menyediakan ruang yang selamat untuk membincangkan implikasi perceraian, dan membolehkan pihak-pihak untuk menerima panduan yang tepat mengenai pengaturan penjagaan diri dan pasca perceraian untuk anak-anak perkahwinan.

Kesimpulannya, ketika pertama kali diluluskan oleh Parlemen, AMLA mendirikan yayasan kuat tetapi kita harus terus membanggunya. Pindaan AMLA menghantar isyarat kuat tentang bagaimana kita melihat institusi keluarga dan bagaimana kita akan memperkuat dan menyokongnya.

Keluarga yang kuat adalah blok bangunan masyarakat yang berdaya tahan. Seterusnya memberi memberi inspirasi kepada kami untuk menguatkan undang-undang, dasar, norma dan nilai yang akan terus mempromosikan dan melindungi institusi keluarga.¹

PERSPEKTIF SOSIAL, KESIHATAN DAN REPRODUKTIF

Ianya mempunyai risiko dari segi kesediaan fizikal dan penceraiian di peringkat awal perkahwinan. Cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan, dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak.

Perkembangan organ seks dan sistem peranakan yang tidak sempurna boleh mengakibatkan rahim pecah dan pendarahan dalaman sekali gus meningkatkan risiko mengandung dan ketika proses kelahiran. Pendarahan dalaman yang teruk dari organ-organ dalaman dan bahagian-bahagian berdekatan boleh mengakibatkan kehilangan darah secara drastik dan 'hypovolumic shock' sehingga boleh membawa maut.

Justeru, kanak-kanak perempuan yang melahirkan bayi sebelum usia 15 tahun berdepan dengan risiko kematian ketika bersalin lima kali ganda lebih tinggi berbanding dengan gadis yang sudah mencapai usia 20 tahun. Disamping itu, risiko untuk mendapat kecederaan fistula obstetrik serta gangguan emosi selepas bersalin juga tinggi.

Kanak-kanak yang berkahwin awal akan berasa terasing kerana mereka tidak lagi dapat bermain atau bersosial dengan rakan sebaya. Kahwin awal juga menyekat hak mereka dari segi keselamatan, kesihatan dan pendidikan. Akses yang kurang pada peluang pendidikan dan ekonomi juga menyebabkan mereka dan ahli keluarga hidup dalam kemiskinan.

CADANGAN

Kerajaan telah pernah menggesa penyelarasan had umur perkahwinan kepada 18 tahun. Negeri Selangor dan Sarawak telah membuat penetapan umur kepada 18 tahun. Manakala negeri-negeri lain digesa untuk menggerakkan usaha penyeragaman ini. Antara undang-undang yang terlibat: Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah

¹ Paper Presentation by Ustaz Alfian Yasrif Kuchit, Senior President, Syariah Court Of Singapore At The Fourth Muzakarah Fiqh And International Fiqh Conference At The Social Institute Of Malaysia (Ism), Sungai Besi, Kuala Lumpur Empowerment Of Family And Women: Some Preliminary Remarks. Anjuran KUIS, Oktober 2018.

Persekutuan) 1984 dan Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri, memperuntukkan permohonan perkahwinan bawah umur mesti mendapat kebenaran hakim syarie (bagi Islam) dan ketua menteri (bagi bukan Islam). Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah dan pelbagai undang-undang adat kaum.

Permohonan perkahwinan bawah umur perlu dikekalkan seperti sedia kala (kes terpencil). Ia dibenarkan mahkamah berdasarkan budi bicara hakim setelah menimbang semua keterangan di hadapan hakim tersebut. Dalam hal yang demikian orang Islam diberi kelonggaran berkahwin di bawah umur minimum tersebut dengan syarat kebenaran bertulis daripada seorang Hakim Syarie diberikan terlebih dahulu. Hakim Syarie adalah orang yang mempunyai pengalaman dan ilmu yang mantap berkaitan undang-undang Islam dan merekalah orang yang paling layak menentukan sesuatu perkahwinan bawah umur itu perlu diberikan kebenaran atau sebaliknya.

Memperkemaskan SOP permohonan perkahwinan bawah umur di Mahkamah Syariah. SOP telah diluluskan oleh JKSM dan digunakan melalui arahan Ketua Hakim. Satu Jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyelaraskan umur minima perkahwinan bagi Islam dan bukan Islam. Isu ini bukan sahaja melibatkan orang Islam tetapi orang bukan Islam, bumiputera Sabah dan Sarawak serta orang Asli.

Syor Lain Yang Difikirkan Patut Dilakukan Secara Kolektif dan Bersepadu

Mewajibkan persekolahan menengah sehingga 18 tahun. Sekurang-kurangnya semua kanak-kanak mendapat pendidikan secara percuma dan memiliki sijil SPM. Membuat berbagai kempen kesedaran untuk ibubapa dan anak-anak di semua sekolah mengenai bahaya perkahwinan bawah umur. Memperkenalkan pendidikan kesihatan reproduktif yang lebih berstruktur dan memberi penerangan kepada kanak-kanak mengenai bahaya seks bebas serta menghargai diri dan masa depan mereka.

Tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat -mengadakan kursus keibubapaan kepada pasangan suami isteri yang berkahwin di usia muda ini bagi mendedahkan mereka dengan pengetahuan mengenai tanggungjawab masing-masing dan pengendalian anak-anak

Pasukan Khas Perkahwinan Bawah Umur -mengusulkan dibuat penyediaan laporan perubatan dan sosial yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie (Muslim), Ketua Menteri (bukan Muslim) dan Ketua Adat sebelum meluluskan permohonan perkahwinan bawah umur.

Syor lain oleh pasukan khas yang terdiri daripada agensi kerajaan berkaitan, ahli akademik dan aktivis kanak-kanak itu -turut mencadangkan supaya mempertingkatkan kesedaran mengenai ilmu kesihatan reproduktif.

Pengamalan serta meningkatkan amal ibadah yang betul adalah merupakan salah satu kaedah efektif bagi membendung timbulnya masalah dalam rumah tangga sekaligus perceraian dalam kalangan pasangan suami dan isteri.

Peranan dalam memberi pendidikan dan kesedaran kepada remaja dan pasangan yang ingin berkahwin. Mereka disarankan untuk meningkatkan pengetahuan kesihatan reproduktif dan persediaan dalam membina sebuah rumah tangga seperti mengikuti kursus pra-perkahwinan kepada bakal pengantin.

Meningkatkan kesedaran anggota masyarakat mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan khidmat nasihat berkenaan kesihatan reproduktif. aspek tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal.

Menerapkan ilmu pengetahuan mengenai perlindungan dan keselamatan terhadap diri serta ilmu pendidikan kesihatan reproduktif ke atas ibu bapa dan kanak-kanak. Antara perubahan yang dapat dilihat ialah dengan berkurangnya peratusan perkahwinan bagi kanak-kanak yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun. melaksanakan program berbentuk “Personal Safety Programme” bagi mendidik kanak-kanak tentang kepentingan memelihara keselamatan diri daripada dianiaya dan dibuli.

Ibubapa perlu memberi tunjuk ajar kepada anak-anak supaya mereka tidak terlibat dalam gejala sosial seperti seks bebas yang boleh mengakibatkan kehamilan luar nikah. Perkahwinan kanak-kanak diharuskan jika pasangan benar-benar mahu berkahwin kerana menjaga nama baik keluarga.

KESIMPULAN

Mahkamah Syariah sentiasa menitikberatkan dan menjaga kebajikan kanak-kanak dalam semua tuntutan yang melibatkan kanak-kanak terutamanya perkahwinan bawah umur. Kahwin di usia muda mempunyai kesan-kesan yang baik dan buruk. Ibu bapa wajar menjadi pelindung kanak-kanak agar membantu membuat keputusan terbaik jika ingin dinikahkan dalam usia muda.

RUJUKAN

Akta Kanak-Kanak 2001.

Akta Mahkamah Syariah (Akta 355) 1965 (Pindaan 1984).

Jivin Jayne Ginajil, Muhd. Hazim Dahuli & Suziyannah Mohd Salleh. 2019.

Pedofilia Di Malaysia. <https://www.researchgate.net>.

Kamus Dewan Edisi Keempat.

Kanun Keseksaan.

Perlembagaan Persekutuan.

Syahirah Abdul Shukor. 2016. Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Melindungi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Malaysia Journal of Shariah and Law*. ISSN: 1985-7454 Volume 4.

Yang Amat Arif Mohammad Adib bin Husain, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Peranan Mahkamah Syariah Dalam Mengangkat Hak Kanak-Kanak Di Malaysia. *The Fourth Muzakarah Fiqh and International Fiqh Conference at The Social Institute Of Malaysia (Ism)*, Sungai Besi, Kuala Lumpur Empowerment Of Family And Women: Some Preliminary Remarks. Anjuran KUIS, Oktober 2018.

Zanariah Noor. 2013. Perkahwinan Kanak-Kanak Dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam. *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2 (2013).